

Pemegang kuasa politik dan ekonomi perlu bersatu — Mahathir

20 APR 1982

SEREMBAN, 19 April — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan pentingnya kerjasama di antara kaum yang memegang kuasa politik dengan kaum yang memegang kuasa ekonomi untuk menjamin masa depan negara.

Perdana Menteri berkata, jika kerjasama itu tidak wujud perpisahan antara kaum tidak akan dapat dihapuskan dan ia akan terus menjadi satu masalah kepada negara.

Beliau menambah, kuasa untuk menentukan kerjasama tersebut kini terletak di tangan rakyat dan mereka berhak memilih corak masa depan yang mereka kehendaki.

Datuk Sri Dr. Mahathir berucap di upacara meletakkan batu asas pelaksanaan bandar baru Ampangan di sini pagi ini.

Beliau menegaskan, adalah menjadi hasrat kerajaan untuk melihat perpisahan antara kaum itu dihapuskan satu hari kelak dan dengan hanya kepersefahaman rakyat sahajalah tujuan itu dapat dicapai.

Perdana Menteri berkata, sistem demokrasi yang digunakan untuk memerintah negara ini memberi hak kepada rakyat untuk memilih bentuk kerajaan yang

Oleh: KHALID MOHD

mereka ingini.

"Kuasa demokrasi ini penting untuk menentukan nasib kita dan sistem ini juga akan menentukan bentuk kerajaan yang kita mahu", tegasnya.

Beliau mengingatkan, untuk mencapai kemajuan hidup dan pembangunan negara rakyat perlu memilih dengan bijak siapa yang mereka kehendaki sebagai wakil mereka.

"Kita perlu tentukan bahawa kerajaan yang hendak perintah negara ini ialah sebuah kerajaan yang berminat untuk berkhidmat kepada rakyat", katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian rakyat khususnya mereka yang tinggal di bandar hendaklah jangan mem-

biarkan perasaan perkauman sempit menguasai mereka semasa membuat pemilihan itu.

Tegasnya, apa juga bentuk pandangan yang sempit terhadap masalah perkauman di negara ini akan hanya menyulitkan keadaan dan tidak akan membawa kebaikan kepada sesiapa.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri berkata, apa juga dasar yang digubal oleh kerajaan dibuat dengan menitikberatkan keseimbangan antara kaum.

Sebab itulah tegasnya, kerajaan mengambil sikap untuk menolong kaum-kaum yang ketinggalan kerana adalah menjadi tanggungjawabnya memastikan mereka yang miskin tidak terus

kecewa.

Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan, kaum-kaum di negara ini tidak boleh terpisah antara satu sama lain dan komposisi mereka di bandar-bandar juga perlu mencerminkan kepelbagaian kaum.

Beliau menambah, kerajaan bertanggungjawab membetulkan keadaan ini supaya bandar-bandar di Malaysia mencerminkan satu komposisi rakyat semua kaum yang sama-sama menikmati kemudahan di bandar sambil merebut peluang-peluang berniaga.

Perdana Menteri berharap, kaum bumiputera di Seremban akan menceburkan diri dalam bidang perniagaan secara lebih giat lagi untuk mengimbangkan komposisi kaum di bandar ini.

Beliau menambah, rancangan pembangunan semula bandar-bandar dan mewujudkan perkampungan-perkampungan moden di dalam bandar akan dilaksanakan beransur-ansur dan mereka yang belum menikmati hendaklah bersabar.

Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan, pelaksanaan dasar tersebut memerlukan sebuah kerajaan yang stabil yang mendapat sokongan penuh dari rakyat berbilang kaum.

Hanya dengan so-

kongan tersebut katanya, rancangan-rancangan pembangunan untuk rakyat dapat dilaksanakan dengan berkesan dan teratur.